

01 JUL 2001

Mahathir-Sabah

MALAYSIA AKAN TERUS PERTAHANKAN KEDAULATAN SABAH

KUALA LUMPUR, 1 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memberi jaminan kepada penduduk negeri Sabah bahawa kerajaan Malaysia akan tetap mempertahankan Sabah sebagai wilayah negara ini.

"Insya Allah, kita (sudah) putuskan Sabah akan terus berada dalam Malaysia," katanya ketika menjawab soalan seorang mahasiswa Universiti Malaysia Sabah (UMS) semasa sesi dialog pada majlis penutupan Simposium Penegasan Arah Tuju Idealisme Mahasiswa Di Alaf Baru di Auditorium Perdana Siswa, Universiti Malaya di sini hari ini.

Mahasiswa itu menyuarakan kebimbangan pelajar dan penduduk Sabah terhadap langkah Filipina mengemukakan permintaan untuk mencelah dalam kes tuntutan ke atas Pulau Sipadan dan Ligitan berdekatan Sabah, oleh Indonesia di Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ).

Perbicaraan kes tuntutan Indonesia terhadap dua pulau itu sedang didengar di ICJ, The Hague ketika ini. Filipina turut mengemukakan permintaan supaya dokumen-dokumen Malaysia dan Indonesia menyokong hak mereka ke atas kedua-dua pulau itu diserahkan kepadanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia menyerahkan tuntutan terhadap Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan kepada ICJ untuk diputuskan dan berharap mahkamah berkenaan akan bertindak secara adil.

Perdana Menteri berkata mengikut perundangan, Malaysia mengetahui Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan selain Sabah sendiri merupakan hak negara ini.

"...Kita akan pertahankan hak kita di Sabah dengan apa cara sekalipun," katanya.

Kepada cadangan mahasiswa itu supaya kerajaan menubuhkan sebuah badan khas untuk mengkaji dan meneliti tuntutan pihak asing terhadap kedua-dua pulau itu, beliau berkata kerajaan telah menugaskan sebuah badan untuk meneliti alasan-alasan mengapa Malaysia berhak menolak tuntutan berkenaan bagi digunakan dalam perbicaraan itu.

Dr Mahathir menyifatkan langkah Filipina berhubung perbicaraan terhadap tuntutan Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan itu sebagai "menangguk di air keruh" setelah Indonesia membuat tuntutan terhadap dua pulau berkenaan.

Ada orang tumpang "tui" (mengambil kesempatan) untuk diri mereka...jagalah diri sendiri, katanya.

-- BERNAMA

RZS ZS RON